

EK

LAHIRNYA SEBUAH SAGA

OLEH ABDUL JALIL HAMID

SHAH ALAM, 9 JULAI (BE BERNAMA) -- + IA BENAR-BENAR RANCAK DAN LANCAR, + KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SEBAIK SAJA BELIAU TURUN DARI PROTON SAGA 1.5S BERWARNA BIRU METALIK SETELAH MENGUJINYA UNTUK SELAMA 15 MINIT.

PERDANA MENTERI MEMANDU-UJI KERETA ITU DI TREK UJIAN PROTON YANG TERLETAK DI KAWASAN KOMPLEKS KILANG PROTON SELUAS 56 HEKTAR DI SINI SETELAH MELANCARKAN KERETA TERSEBUT.

+ SAYA TELAH MEMANDU KERETA ITU SEHINGGA 120 KM SEJAM.

+ BAGI PANDANGAN SAYA, IA ADALAH SEBUAH KERETA YANG BAIK DAN MEMPUNYAI STEERING YANG RINGAN, + KATA DATUK SERI DR MAHATHIR KEPADA PARA PEMBERITA.

+ ISTERI SAYA JUGA TURUT MEMANDU KERETA ITU.

+ SAYA RASA BELIAU JUGA MENGGEMARINYA, + TAMBAH PERDANA MENTERI.

DALAM UJIAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA SITI HASMAH TELAH DIIRINGI OLEH PENERUSI PROTON, TAN SRI JAMIL JAN, SEORANG JURUTERA PROTON DAN SEORANG PEGAWAI KESELAMATAN.

PROTON SAGA, KERETA MALAYSIA YANG PERTAMA, MEMPUNYAI BAHAGIAN HADAPAN BADAN BERBENTUK + BAJI + DENGAN BAHAGIAN BELAKANGNYA BERBENTUK + EKOR ITEK +.

KANDUNGAN BAHAN-BAHAN TEMPATANNYA IALAH SEBANYAK 40 PERATUS. KADAR ITU ADALAH LEBIH DUA KALI GANDA KANDUNGAN BADAN KERETA-KERETA YANG DIPASANG DI DALAM NEGERI.

DALAM MAJLIS PELANCARAN SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MENANAM SEBUAH POKOK SAGA DENGAN DISAKSIKAN OLEH SERAMAI 1,500 ORANG JEMPUTAN DAN PEWAKILAN ASING.

SETELAH MENANAM POKOK ITU, PERDANA MENTERI MEMICIT SEBUAH BUTANG DI LOJI PEMASANGAN PROTON SAGA YANG MENANDAKAN BERMULANYA SECARA RASMI PENGELUARAN KOMERSIL KERETA BERKENAAN.

PROJEK KERETA MALAYSIA ITU MERUPAKAN SATU USAHASAMA ANTARA PERBADANAN PERUSAHAAN BERAT MALAYSIA (HICOM), MITSUBISHI MOTORS DAN MITSUBISHI CORPORATION OF JAPAN.

HICOM, YANG DIPERBADANKAN BAGI MEMULAKAN PENGLIBATAN MALAYSIA DI DALAM SEKTOR INDUSTRI BERAT, MEMPUNYAI KEPENTINGAN SEBANYAK 70 PERATUS DI DALAM PROJEK BERKENAAN.

PEMBIAYAAN PROJEK ITU DIPEROLEHI DARI SUMBER-SUMBER LUAR NEGERI.

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU PAGI TADI IALAH PARA PEGAWAI KANAN MITSUBISHI MOTORS DAN MITSUBISHI CORP, KETUA PEWAKILAN ASING SERTA DAN PARA PENGUSAHA DALAM INDUSTRI PEMASANGAN KERETA TEMPATAN.

SEPERTI LAIN-LAIN PEMBELI PROTON SAGA, DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA TERPAKSA MENUNGGU SEHINGGA BULAN SEPT UNTUK MENDAPATKAN KERETA YANG DIBELINYA ITU KERANA IA TIDAK AKAN DIJUAL SEBELUM MASA ITU.

+ SAYA MAHU MEMBELI KERETA INI (PROTON SAGA 1.5S BERWARNA BIRU METALIK) SEKARANG TETAPI TIDAK DIBENARKAN OLEH PARA PEGAWAI PROTON.

+ MEREKA MEMINTA SAYA MENUNGGU SEHINGGA BULAN SEPT INI DI MANA KERETA YANG SAYA TEMPAH AKAN SIAP MENJELANG MASA ITU, + KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU BERKATA KERETA ITU JUGA AKAN BERWARNA BIRU METALIK.

+ IA MUNGKIN SAMA ATAUPUN TIDAK DIBANDINGKAN DENGAN KERETA YANG SAMA PANDU UJI SEBENTAR TADI.

+ BAGAIMANAPUN, IA MEMPUNYAI WARNA YANG SAMA, + KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR TERGAMAM SEBENTAR APABILA DITANYA OLEH PARA PEMBERITA MENGENAI HARGA KERETA BERKENAAN.

+ PARA PEGAWAI EON (EDARAN OTOMOBIL NASIONAL), SYARIKAT YANG MENGEDAR DAN MEMASARKAN PROTON SAGA, MASIH MENYELESAIKAN BEBERAPA PERKARA BERKAITAN DENGAN HARGA PROTON SAGA.

+ SAYA HARAP MEREKA DAPAT MENGUMUMKAN HARGA KERETA INI DENGAN SECEPAT MUNGKIN, + KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA ENGGAN MEMBERITAHU PARA PEMBERITA TENTANG JUMLAH PROTON SAGA YANG TELAH BERJAYA DIJUAL SEHINGGA INI.

PROTON BARU-BARU INI MENYATAKAN BAHAWA HARGA SEBUAH PROTON SAGA MODEL 1.5 IALAH KURANG DARIPADA \$22,000 DAN MODEL 1.3 KURANG DARIPADA \$20,800.

--- LAGI

SEMPENA DENGAN PERLANCARAN PROTON SAGA, EON TELAH MENDIRIKAN DUA BUAH GERAI KHAS BAGI MEMUDAHKAN URUSAN PENERIMAAN TEMPAHAN DI SINI. BEBERAPA ORANG PARA JEMPUTAN TELAH MENANDATANGANI BUKU ITU UNTUK MENEMPAH KERETA TERSEBUT, KATA PARA PEGAWAI EON.

PENGERUSI PROTON, TAN SRI JAMIL JAN, BERKATA UJIAN-UJIAN YANG DIBUAT OLEH PARA PEGAWAI PROTON MENUNJUKKAN KERETA BERKENAAN MEMPUNYAI BANYAK KELEBIHAN DIBANDINGKAN DENGAN + SAINGAN-SAINGAN + YANG TERDEKAT.

BELIAU BERKATA UJIAN-UJIAN BERKENAAN, YANG DIBUAT DI ATAS JALANRAYA TEMPATAN, MENUNJUKKAN BAHAWA PROTON SAGA BUKAN SAJA BERUPAYA MENANDINGI SAINGAN-SAINGANNYA YANG TERDEKAT TETAPI JUGA MEMPUNYAI PRESTASI YANG LEBIH BAIK DIBANDINGKAN DENGAN SAINGAN-SAINGANNYA ITU.

PENGURUS BESAR PROTON, DATUK WAN NIK ISMAIL, PULA BERKATA BAHAWA PROTON AKAN MEMPERKENALKAN PROTON SIRI +I+ (ISTIMEWA) TAHUN DEPAN.

PADA MASA SEKARANG, PROTON HANYA MEMPERKENALKAN SATU SIRI SAJA IAITU SIRI +S+ (SEDERHANA) DI PASARAN.

BELIAU BERKATA PENGELUARAN PROTON SAGA BAGI TAHUN 1985 TELAH DIHADKAN KEPADA 7,500 BUAH SAJA.

BILANGAN ITU AKAN DITINGKATKAN MENJADI 40,200 BUAH MENJELANG TAHUN DEPAN DAN KEPADA 120,000 UNIT SELEPAS TAHUN 1990.

DATUK WAN JUGA BERKATA BAHAWA PROTON BERSEDIA UNTUK MENUKARKAN KEMUDAHAN BAHANAPI PROTON SAGA DARI PETROLEUM KEPADA GAS PETROLEUM CECAIR (LPG) APABILA TIBA MASANYA.

+ BERBEZA DENGAN LAIN-LAIN SYARIKAT PEMASANGAN KENDERAAN, PROTON TELAH PUN MENYEDIAKAN PERUNTUKAN UNTUK PENUKARAN TERSEBUT, + KATA BELIAU.

--- BE BERNAMA